

Ipoh

Seorang penghantar makanan didakwa di Mahkamah Sesyen Ipoh, semalam atas pertuduhan merogol seorang remaja bawah umur dua minggu lalu.

Tertuduh, Afiq Yan Muhammad Farid Yan, 20, mengaku tidak bersalah selepas pertuduhan dibacakan jurubahasa mahkamah di hadapan Hakim Norita Mohd Ardani.

Mengikut kertas pertuduhan, lelaki berkenaan didakwa kerana didapati melakukan rogol terhadap remaja perempuan berusia 15 tahun 11 bulan.

Tertuduh didakwa melakukan kesalahan itu di Hotel My Town Ipoh pada jam kira-kira 12.30 pagi, 16 Julai lalu.

Oleh itu, tertuduh didakwa melakukan suatu kesalahan mengikut Seksyen 376 (1), Kanun Keseksaan dan boleh dihukum mengikut peruntukan sama yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum 20 tahun dan dikenakan sebat.

Kes dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya, Afiqa Liyana Rozman manakala tertuduh diwakili peguam, Mahajoth Singh.

Afiqa Liyana meminta jaminan RM10,000 dikenakan terhadap tertuduh berikutan kesalahan serius dilakukan.

Bagaimanapun, Mahajoth memohon wang jaminan dikurangkan kepada RM5,000 hingga RM6,000 berikutan ibu bapa tertuduh yang hanya bekerja biasa selain abangnya yang akan memasuki universiti.

Mahkamah, membenar-



KES 6 LELAKI ROGOL PELAJAR PEREMPUAN

Penghantar makanan tak mengaku salah

Afiq Yan dijangka didakwa semula bersama empat lagi rakannya hari ini.

Semua mereka berusia antara 16 hingga 21 tahun itu ditahan sekitar Ipoh selepas ibu mangsa membuat laporan polis.

Seorang remaja perempuan yang juga rakan mangsa yang didakwa dirogol enam lelaki pada 18 Julai lalu, turut ditahan bagi membantu siasatan.

kan tertuduh diikat jamin RM5,000 dengan seorang penjamin dan diperintahkan tidak mengganggu dan menghubungi mangsa.

Mahkamah turut menetapkan 9 September sebagai tarikh sebutan semula kes.

Difahamkan, Afiq Yan dijangka didakwa semula bersama empat lagi rakannya hari ini.

Media sebelum ini melaporkan polis menahan enam lelaki termasuk remaja selepas disyaki merogol seorang pelajar perempuan dalam kejadian di Ipoh.

Semua mereka berusia antara 16 hingga 21 tahun itu ditahan sekitar Ipoh selepas ibu mangsa membuat laporan polis.

Kelmarin, seorang remaja perempuan yang juga rakan mangsa yang didakwa dirogol oleh enam lelaki pada 18 Julai lalu, turut ditahan polis bagi membantu siasatan lanjut.

Difahamkan, remaja itu ditahan dalam tempoh yang sama dengan enam suspek lelaki, menjadikan keseluruhan suspek ditahan berhubung kes itu adalah seramai tujuh orang.